

PERSEPSI GURU JAWI TERHADAP PENGURUSANPENGENDALIAN PROGRAM LATIHAN GURU BAGI KURSUS KAEDAH PENULISAN JAWI

Sri Andayani Binti Mahdi Yusuf
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohd Faez Bin Ilias, Zetty Nurzuliana Bt. Rashed, Ahmad Shafiq Bin Mat Razali,
Muhammad Syakir Bin Sulaiman
Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Selangor

ABSTRAK

Persepsi merupakan aspek memberi respon terhadap rangsangan yang diterima oleh pancaindera manusia termasuklah dalam menanggapi sesebuah program latihan yang dijalankan. Secara teorinya latihan yang diikuti oleh guru dapat memberi pendedahan kepada guru tentang cara pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP). Oleh itu, kualiti guru dan pengajarannya adalah terhasil daripada latihan dan pengalaman yang diterima oleh mereka. Bagi mendapatkan kualiti guru secara berkesan faktor latihan yang diperoleh oleh guru mempunyai hubungan yang signifikan antara kualiti guru dalam PdP dengan kejayaan pelajar di sekolahnya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru-guru JAWI terhadap pengurusan pengendalian selepas program latihan guru bagi Kursus Kaedah Penulisan JAWI. Kajian telah dijalankan di Sekolah-Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Selangor (SRA JAIS). Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik untuk mengumpulkan data. Dapatan kajian mendapati persepsi guru-guru JAWI berkaitan pengurusan pengendalian program latihan guru selepas menghadiri Kursus Kaedah Penulisan JAWI Siri 1/1 ialah berada pada tahap tinggi iaitu min 3.846. Ini menunjukkan persepsi guru terhadap pengendalian program latihan oleh fasilitator bagi kursus kaedah penulisan JAWI adalah baik atau berkesan. Selain itu, pengisian setiap slot program latihan dimanfaatkan sepenuhnya oleh fasilitator. Implikasi kajian diharapkan dapat menjadi panduan kepada guru-guru ke arah memperkasakan lagi persediaan pengajaran untuk meningkatkan kualiti guru dalam sesi pengajaran yang lebih bermakna.

Kata kunci: *persepsi, pengurusan, program latihan, JAWI*

PENGENALAN

Profesionalisme seorang guru dipandang tinggi dalam dunia pendidikan. Eko Putro Widyoko (2005) menyatakan kebanyakan guru yang memasuki sistem pendidikan mempunyai tahap kompetensi profesional yang memuaskan sehingga melayakkan mereka dalam kerjaya perguruan. Terdapat banyak proses yang akan dilalui oleh seorang guru dalam usaha mencapai pengajaran yang berkesan (Jasmi et al., 2012). Seperti latihan keguruan yang diikuti mampu membantu guru dalam mencapai tahap pengajaran yang berkesan (Ros Eliana & Norhanan, 2017; Mohd Faez et al., 2017). Latihan yang diikuti oleh guru itu secara teorinya memberi pendedahan kepada guru tentang cara pelaksanaan aktiviti dalam proses pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Oleh itu, kualiti guru dan pengajarannya adalah terhasil daripada latihan yang dilalui oleh mereka (Warnoh & Norasmah, 2003).

Usaha ini dimantapkan lagi dengan penyediaan program latihan perguruan daripada inisiatif para majikan untuk memastikan pedagogi pengajaran sentiasa berkesan. Pengetahuan kepada pedagogi serta mempunyai pengalaman dalam mengikuti pelatihan guru menjadikan guru lebih komitmen dalam pengajaran di bilik darjah. Ini kerana faktor pengalaman mengajar merupakan aspek pengetahuan guru yang boleh dibentuk melalui interaksi faktor-faktor persekitaran kerja (Khalid Johari et al., 2009). Contohnya dengan guru belajar melalui kajian, pelaksanaan refleksi, kolaborasi dengan guru lain, mengikuti secara dekat proses pembelajaran pelajar dan berkongsi pengalaman dengan guru lain (Ahmad Yunus Kasim 2011). Sehubungan itu, Gist & Mitchell (1992) menyatakan guru-guru berpengalaman banyak bergantung kepada ingatan dan tafsiran terhadap pengalaman pengajaran terdahulu yang berkaitan.

Terdapat banyak proses yang akan dilalui oleh seorang guru khususnya guru JAWI dalam usaha mencapai pengajaran yang berkesan. Salah satunya ialah dengan menghadiri pelatihan perguruan yang dianjurkan oleh pihak JAIS seperti Kursus Kaedah Penulisan JAWI. Kursus ini memberi pendedahan cara yang efektif dalam penggunaan kaedah penulisan khususnya penulisan JAWI. Keberkesanan dalam proses PdP yang dilaksanakan oleh guru banyak membantu ke arah kecemerlangan dalam mencapai objektif pendidikan. Sehubungan itu, Mulyasa (2005) menyatakan latihan keguruan yang dihadiri oleh guru dapat membantu mereka dalam usaha mempercepatkan proses mencapai matlamat pendidikan dengan sebaiknya. Perkara ini perlu dipupuk kembali apabila mereka merasakan tidak mampu untuk mengaplikasikan teori yang mereka pelajari dengan masalah yang dihadapi ketika PdP.

Oleh yang demikian, kajian berkenaan persepsi guru terhadap latihan perkhidmatan guru perlu dilakukan memandangkan Kursus-Kursus Kaedah Penulisan JAWI telah dijalankan sepanjang tahun namun masalah dalam pengajaran masih berlaku. Walaupun keadaan ini biasa berlaku dalam arena pendidikan namun kajian terperinci perlu dilakukan untuk mengenal pastibagaimana persepsi guru terhadap pengurusan pengendalian program latihan guru selepas menghadiri Kursus Kaedah Penulisan JAWI Siri 1/1 diadakan.

PERNYATAAN MASALAH

Masih terdengar kritikan yang disuarakan berkaitan kaedah pengajaran dan aktiviti yang dikendalikan oleh guru-guru di bilik darjah (M. Nur & Norasmah Othman, 2013). Dalam menanggapi isu ini pelbagai program latihan dan kursus-kursus perguruan dilakukan untuk membantu guru mendapatkan kemahiran yang dirasakan penting bagi sesetengah subjek kritikal dalam pengajaran. Kajian lepas menyatakan pendidikan dan latihan iktisas guru merupakan faktor yang paling utama dalam menentukan kualiti guru dan kualiti pengajaran (Khalid Johari et al., 2009).

Selain itu, latihan guru dapat memberi manfaat serta menyumbang kepada kualiti seorang guru. Namun terdapat kajian yang menyatakan bahawa kualiti guru akan terjejas disebabkan oleh guru kurang mengikuti latihan perguruan. Sepertimana kajian Otto dan Smith (1980) yang menyatakan bahawa kualiti guru terjejas akibat daripada kurangnya latihan guru yang disertai oleh guru. Kenyataan ini bertepatan dengan keadaan pada masa kini disebabkan oleh lambakan guru di sekolah dan kebanyakan daripada mereka begitu sibuk dengan tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran di sekolah. Namun begitu, Brinkerhoff (2005) menegaskan program latihan merupakan satu keperluan dan bukan lagi menjadi pilihan kepada pihak majikan.

Kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti guru dalam PdP dengan kejayaan pelajar di sekolahnya (Mart, 2013; Mohammad Abdillah, et al., 2015;) serta faktor latihan yang diperolehi oleh guru (Khalid, et al., 2009). Namun, masalah juga akan berlaku apabila guru-guru tidak menunjukkan kualiti mereka walaupun telah menyertai latihan dalam perkhidmatan (Buell et al., (1999); Cains & Brown (1996); Martin et al., (1999). Hal ini berlaku kerana mereka merasa kurang bersedia untuk berhadapan dengan masalah yang dihadapi ketika PdP kerana tidak mampu untuk mengaplikasikan teori yang mereka pelajari. Sehubungan itu, Mulyasa (2005) dan Arikunto (2000) menyarankan tentang perlunya satu latihan yang menggunakan inovasi bagi meningkatkan minat dan kualiti guru. Kajiannya juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dengan guru

perempuan tentang latihan yang diterima. Ini adalah disebabkan keperluan yang berbeza di antara guru lelaki dan guru perempuan, kerana guru perempuan lebih komited dengan kerjanya.

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa guru-guru merasa kurang bersedia berdepan dengan masalah dalam pengajaran, kerap menganggap diri mereka tidak berpengalaman dan tidak mendapat latihan yang mencukupi (Buell et al. 1999; Cains & Brown 1996; Martin et al. 1999). Latihan merupakan usaha sistematik yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan mengubah sikap pegawai menjadi lebih baik (Goldstein, 1993). Program latihan juga dikatakan mampu meningkatkan keupayaan pegawai terhadap tugas-tugas yang diamanahkan. Maka tidak hairanlah terdapat organisasi mahu mengeluarkan sejumlah wang untuk mewujudkan latihan pembangunan kualiti pekerjaannya. Perkara ini telah dinyatakan oleh Bersin (2003) bahawa sebilangan besar organisasi melaburkan sejumlah besar peruntukan, sumber dan masa dalam melaksanakan program latihan kepada pekerja.

Kepentingan latihan perguruan ini adalah untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan guru terhadap ilmu khususnya bidang kritikal yang memerlukan kepada guru yang terlatih dan berkemahiran seperti kaedah penulisan JAWI. Oleh yang demikian, kajian berkenaan latihan perkhidmatan guru ini perlu diteruskan memandangkan masalah pengurusan sistem latihan perkhidmatan guru masih berlaku. Kajian terperinci akan dijalankan bagi melihat kepada pengurusan pengendalian program latihan guru selepas menghadiri Kursus Kaedah Penulisan JAWI.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti persepsi guru JAWI terhadap pengurusan pengendalian program latihan guru selepas menghadiri Kursus Kaedah Penulisan JAWI Siri 1/1.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian lapangan mengkaji tentang persepsi guru-guru JAWI berkaitan pengurusan pengendalian program latihan guru selepas menghadiri Kursus Kaedah Penulisan JAWI. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan soal selidik yang dibina oleh pengkaji yang bersesuaian dengan keperluan kajian. Instrumen-instrumen tersebut telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan sebelum kajian rintis dilakukan. Hal ini bagi memastikan data-data yang diperolehi dapat menjawab persoalan kajian yang dijalankan.

Pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan rawak mudah terhadap peserta-peserta yang menghadiri program latihan yang dianjurkan oleh JAIS iaitu Kursus Kaedah Penulisan JAWI Siri 1/1. Lokasi kajian terdiri daripada Sekolah-Sekolah Rendah Agama di bawah JAIS. Pemilihan sekolah ini sebagai lokasi kajian adalah kerana sekolah ini telah terpilih menghadiri Kursus Kaedah Penulisan JAWI anjuran JAIS.

Seramai 52 orang guru JAWI telah menjadi sampel dalam kajian ini untuk menyertai kursus kaedah penulisan JAWI. Data yang diperolehi daripada kajian terdiri daripada data kuantitatif. Analisis data kuantitatif diproses dengan menggunakan perisian program *Statistical Package For The Social Sciences* (SPSS versi 22.0). Data yang diperolehi menerusi penyelidikan ini dianalisis secara deskriptif bagi menjelaskan dapatan keseluruhan merujuk kepada objektif yang ditetapkan.

Kajian ini menggunakan skala likert lima mata dengan kaedah skornya ialah skor 1 mewakili jawapan Sangat Tidak Menguasai (STM), skor 2 Tidak Menguasai (TM), skor 3 Kurang Menguasai (KM), skor 4 Menguasai (M) dan skor 5 Sangat Menguasai (SM). Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan dan min. Kajian ini membahagikan nilai min kepada tiga tahap, iaitu seperti di dalam jadual 1.

Jadual 1 Kategori tahap penilaian min

Nilai Min	Interpretasi Tahap
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Ubahsuai daripada Ab. Halim (2010)

DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 menunjukkan jumlah guru JAWI yang menghadiri program latihan yang dianjurkan oleh JAIS dalam Kursus Kaedah Penulisan JAWI Siri 1/1. Jadual 2 menunjukkan secara terperinci profil responden guru JAWI selepas mengikuti program latihan guru di bawah anjuran JAIS.

Jadual 2 Profil Guru JAWI

No	Item		Kekerapan	Peratusan
A1	Jantina	Lelaki	17	32.7
		Perempuan	35	67.3

Dalam kajian ini responden melibatkan seramai 17 orang guru (32.7%) guru lelaki dan seramai 35 orang (67.3%) adalah guru perempuan. Jumlah keseluruhan responden ialah 52 orang guru JAWI.

DAPATAN DESKRIPTIF

Analisis dapatan kajian yang diperoleh telah digunakan untuk menjawab objektif kajian bagi mengenal pasti persepsi guru-guruJAWI terhadap pengurusan pengendalian program latihan selepas menghadiri Kursus Kaedah Penulisan JAWI Siri 1/1. Jadual 3 menunjukkan secara terperinci nilai kekerapan, peratusan dan min bagi setiap item yang diuji.

Jadual 3 Persepsi Guru Selepas Pengurusan Pengendalian Program Latihan JAWI

Bil	Item	Kekerapan & peratus (N=52)					Min	SP	INT
		STM	TM	KM	M	SM			
PP1	Fasilitator mengendalikan program latihan dengan baik.	0 (0%)	0 (0%)	3 (5.8%)	21 (40.8%)	28 (53.8%)	4.48	0.610	T
PP2	Pengisian setiap slot program latihan dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh fasilitator.	0 (0%)	0 (0%)	3 (5.8%)	22 (42.3%)	27 (51.9%)	4.46	0.609	T
PP3	Pengisian slot sepanjang program latihan tidak terurus.	9 (17.3%)	10 (19.2%)	6 (11.5%)	13 (25%)	14 (26.9%)	3.25	1.480	S
PP4	Pengurusan masa sepanjang program latihan tidak mengikut perancangan yang ditetapkan.	8 (15.4%)	13 (25%)	6 (11.5%)	12 (23.1%)	13 (25%)	3.17	1.451	S
PP5	Fasilitator mengendalikan sendiri peralatan teknikal yang digunakan.	3 (5.8%)	8 (15.4%)	12 (23.1%)	17 (32.7%)	12 (23.1%)	3.52	1.180	S
PP6	Fasilitator menjawab persoalan peserta di akhir sesi setiap slot program latihan.	1 (1.9%)	1 (1.9%)	5 (9.6%)	25 (48.1%)	20 (38.5%)	4.19	0.841	T
min keseluruhan pengurusan pengendalian program latihan							3.846	.526	T

Sumber: Kajian Lapangan, 2017

Jadual 3 menunjukkan dapatan keseluruhan kajian daripada persepsi guru-guru JAWI terhadap pengurusan pengendalian program Kursus Kaedah Penulisan JAWI Siri 1/1 adalah tinggi dengan nilai min keseluruhan bagi konstruk ini ialah min = 3.846. Terdapat tiga item yang mendapat nilai min pada tahap yang tinggi iaitu item PP1 “Fasilitator mengendalikan program latihan dengan baik”, diikuti item PP2 “Pengisian setiap slot program latihan dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh fasilitator”. Seterusnya item PP6 “Fasilitator menjawab persoalan peserta di akhir sesi setiap slot program latihan” dengan masing-masing mendapat nilai (min = 4.48, sp = 0.610), (min = 4.46, sp = 0.609) dan (min = 4.19, sp = 0.841). Daripada enam soalan yang dinyatakan terdapat tiga soalan berada pada tahap sederhana seperti yang ditunjukkan oleh item PP5 “Fasilitator mengendalikan sendiri peralatan teknikal yang digunakan” memperoleh nilai (min = 3.52, sp = 1.180), diikuti oleh item PP3 “Pengisian slot sepanjang program latihan tidak terurus” dengan nilai (min = 3.25, sp = 1.480) dan akhir sekali item PP4 “Pengurusan masa sepanjang program latihan tidak mengikut perancangan yang ditetapkan” menunjukkan nilai (min = 3.17, sp = 1.480).

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian secara keseluruhan bagi tahap persepsi guru-guru JAWI selepas menghadiri Kursus Kaedah Penulisan JAWI Siri 1/1 adalah tinggi dengan nilai min keseluruhan bagi konstruk ini ialah min = 3.846. Hal ini dapat dilihat pada item PP1 iaitu “Fasilitator mengendalikan program latihan dengan baik” menunjukkan nilai min tertinggi (min = 4.48). Dapatan ini disokong oleh kajian Sparks (2012) bahawa seharusnya guru meningkatkan profesionalisme diri dengan sikap prihatin terhadap kemajuan pendidikan. Meningkatkan profesionalisme bererti suatu proses menambahbaik kemahiran dan kompetensi diri berdasarkan perubahan persekitaran bagi menghasilkan produk berkualiti dalam pendidikan (Hassel, 2013). Pakar psikologi menyatakan sikap ialah produk daripada proses sosialisasi seseorang, dimana ia bergerak sesuai dengan rangsangan yang diterimanya yang dipengaruhi oleh lingkungan sosial terhadap objek tertentu (Mar’at, 1981). Oleh itu, sikap positif yang diamalkan oleh fasilitator sepanjang latihan memberikan kesan yang maksimum dalam kalangan peserta program.

Seterusnya item PP2 menunjukkan nilai min kedua tertinggi iaitu “Pengisian setiap slot program latihan dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh fasilitator” dengan nilai (min = 4.46). Data ini membuktikan bahawa fasilitator mengendalikan program latihan guru dengan baik. Dapatan ini disokong oleh kajian Pati Anak Aleng (2014) yang mengatakan bahawa pengisian pemantapan kualiti guru perlu disediakan dan

boleh dilakukan melalui program, latihan dan bengkel yang berkala. Menurut Bennett (1994), fasilitator atau pengajar adalah mereka yang membimbing pelatih untuk melakukan sesuatu pekerjaan, aktiviti, proses dan operasi mengikut langkah-langkah yang sepatutnya dilakukan. Apa yang penting disini adalah keberkesanan latihan akan dipengaruhi oleh kecekapan seseorang fasilitator atau pengajar. Oleh itu, langkah-langkah yang efektif perlu diambil untuk mendapatkan kesan maksimum di setiap latihan yang dianjurkan.

Aspek motivasi yang dimiliki oleh fasilitator juga menjadikan setiap slot program latihan dimanfaatkan dengan sepenuhnya. Motivasi sebagai keinginan atau kemahuan dalam mengambil keputusan bertindak serta menggunakan seluruh kemampuan sosial dan fizikal (Bafadal 1992).Semakin tinggi motivasi seseorang guru maka semakin tinggi prestasi kerja dilaksanakan (Robbins, 2000).Melalui pelatihan Kursus Kaedah Penulisan JAWI Siri 1/1 dapat memberi motivasi dalam memahirkan lagi kebolehan guru serta membantu mencorak kejayaan murid.Sehubungan itu, Abdul Shakoor et al., (2013) menyatakan latihan dalam perkhidmatan mempunyai kesan yang signifikan terhadap kecekapan guru sains profesional di peringkat menengah.

Namun begitu, item PP4 “Pengurusan masa sepanjang program latihan tidak mengikut perancangan yang ditetapkan” menunjukkan nilai min 3.17 yang berada pada tahap paling sederhana.Isu ini boleh berlaku kerana program latihan yang dijalankan berkaitan dengan kemahiran guru dan memerlukan tempoh masa yang panjang.Kecekapan seorang guru boleh ditingkatkan sekiranya diberikan latihan kepada guru (Douglas Harris & Tim R. Sass.(2006);diberikan latihan dalam perkhidmatan (Abdul Shakoor et al., (2013);mengadakan Program Pembangunan dan Evaluasi/ Penilaian (Azian Ahmad & Norfadhilton Zahari, (2012).Pelatihan dan penilaian ini memberikan kesan dan perubahan yang baik kepada guru atau fasilitator apabila mereka berterusan diberikan latihan (Graham Gibbs & Martin Koffey, 2004).Sehubungan itu, kursus kemahiran JAWI yang telah dijalankan hendaklah dilakukan secara konsisten atau berterusan dan mengikut kepada guru yang memerlukan kemahiran kritikal dalam mengaplikasikan ilmu.

Guru pada masa kini perlu menghadapi pelbagai cabaran dalam pendidikan dengan cara melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, menangani masalah disiplin dan gejala sosial, pengurusan sekolah yang berkesan bagi memenuhi harapan masyarakat. Perkara ini menunjukkan bahawa pengajaran guru memerlukan kemahiran yang pelbagai (Norlander K.A (2009), Soetjipto & Raflis Kosasi (2007).Oleh itu, para guru hendaklah mempunyai

semangatpantang menyerah kalah dan selalu bersedia untuk mengadaptasi diri dengan perubahan yang berlaku secara pantas pada masa kini. Namun, kekurangan sumber-sumber teknikal akan menyebabkan guru tidak mampu meluangkan masa untuk pelajar dalam PdP kerana tidak membuat persediaan *pro* dan *contra* atas tindakan yang akan berlaku (Abdullah et al., 2015a). Inilah cabaran dan kekangan bagi sesetengah keadaan yang perlu diatasi oleh fasilitatorsebagai pengajar atau fasilitator semasa menjalankan program latihan perguruan. Kekurangan peralatan-peralatan teknikal semasa mengendalikan program akanmengganggu waktu dan perjalanan program yang dianjurkan.

Kini, terdapat ramai pendidik yang mulai sedar tentang keperluan peralihan daripada kaedah berpusatkan guru kepada strategi PdP berpusatkan pelajar. Seperti kaedah *chalk and talk* (Barlow 2012 & Mohd Arif 2004). Kaedah tradisional bukan lagi strategi PdP yang terbaik dan mampu menyediakan pelajar seperti yang diharapkan. Justeru itu, Ibrahim (2004) mencadangkan agar beberapa pendekatan pembelajaran perlu beralih daripada strategi tradisional kepada pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP). Pendekatan pembelajaran yang digunakan ini perlu difahami dengan beberapa langkah dalam prinsip asas pengajaran berkesan. Mereka juga perlu memahami dengan mendalam peranan yang perlu dimainkan oleh seorang pendidik kepada pelajar melalui pendekatan PBP (Jasmi et al., 2012). Bagi memaksimumkan input, seseorang penyampai perlu bekerja secara kolaboratif bagi mencapai matlamat pelaksanaan program perkembangan secara profesional (Sparks, 2012). Oleh demikian, usaha yang berterusan dalam memicu kemahiran guru ialah salah satunya dengan memberi pelatihan kepada guru-guru yang memerlukan kemahiran khusus dalam bidang yang diajar seperti pelatihan penulisan JAWI.

IMPLIKASI KAJIAN

Dalam kajian ini pemboleh ubah berkaitan pengurusan pengendalian program latihan menurut persepsi guru-guru JAWI selepas menghadiri Kursus Kaedah Penulisan JAWI Siri 1/1 adalah berada pada tahap tinggi. Sehubungan dengan itu, fasilitator program menunjukkan kebolehannya dalam mengurus dan mengendalikan Kursus Kaedah Penulisan JAWI Siri 1/1 dengan baik. Oleh itu, penilaian terhadap pelaksanaan program latihan guru-guru perlu diteruskan bagi memberikan suntikan semangat kepada para guru dan fasilitator untuk berkongsi pengalaman dalam menjalankan tanggungjawab mendidik anak bangsa dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Dicadangkan kajian lanjutan perlu dilakukan terhadap pelaksanaan guru dalam amalan PdP selepas menerima kursus pelatihan untuk mengetahui tahap keberkesanan dan sumbangan terhadap kursus pelatihan yang diberikan.

KESIMPULAN

Kajian ini bermanfaat secara umumnya kepada guru-guru JAWI yang selalu ingin memajukan diri dengan mengambil bahagian dalam setiap kursus latihan guru yang dianjurkan oleh pihak JAIS. Melalui program latihan yang dilaksanakan, guru mempunyai panduan untuk meningkatkan kemahiran pedagogi dalam mengaplikasikan kemahiran dalam pengajaran JAWI. Seorang fasilitator yang baik akan menciptakan suasana yang menarik dalam setiap pertemuan mereka di dalam sesi pelatihan begitulah halnya peranan seorang guru di dalam bilik darjah. Kesimpulannya, pengurusan pengendalian program Kursus Kaedah Penulisan JAWI Siri 1/1 oleh fasilitator menunjukkan berada pada tahap tinggi dan pengisian setiap slot program latihan dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh fasilitator sepanjang kursus dijalankan. Latihan perguruan diharapkan memberi manfaat kepada guru-guru JAWI untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran yang dirasakan sesuai dengan keadaan semasa terutama dalam subjek penulisan JAWI.

RUJUKAN

- Abdullah, M., Abdullah, A. H., & Rosman, A. S. 2015a. Identifikasi Peranan Ibu Bapa Dalam Kelangsungan Pendidikan Tahfiz Anak. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan 2015*. IsPEN2015.
- Abdul Shakoor, Muhammad Sarfraz Ghumman & Tariq Mahmood. 2013. Effect of In-Service Training on the Working Capacity and Performance of Science Teachers at Secondary Level. *Journal of Educational and Social Research* Vol. 3 No. 3. ISSN: 2239-978X & E-ISSN: 2240-0524 MCSER Publishing, Rome-Italy.
- Arikunto, S. 2000. *Dasar-Dasar Evaluasi Pendidikan*. Jakarta: Rineeka Cipta.
- Azian bin Ahmad Norfadhilatun binti Zahari. 2012. Kajian Keberkesanan Program Pembangunan Dan Penilaian Bagi Pegawai Perkhidmatan Tadbir Dan Diplomatik Gred M41. *Jurnal Pengurusan Awam*.
- Bafadal Ibrahim. 1992. *Supervisi Pengajaran: Teori dan Aplikasi Dalam Membina Profesionalisma Guru*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Barlow, T. 2012. *The end of Chalk and Talk*. Teaching science, 58-57.
- Bennett, R. 1994. *The Effective Trainer Checklist*. Gower Handbook Of Training and Development 2nd Ed.) England Gower Publishing C. Ltd.
- Bersin, J. 2003. Training Analytics: The Time is Now. Bersin Et Associate Market Research, 1-4. Retrieve January 24, 2007, www.exotoday.com/India/News/Data_Analytics_The_Time_Is_Now/551-70093-908.html.
- Buell, M., Hallam, R., Gamel-McCormick, M. & Scheer, S. 1999. A Survey of General and Special Inservice Needs Concerning Inclusion. *International Journal of Disability, Development and Education* 46: 143-156.
- Borg, W.R., Gall, J.P. 1993. *Educational Research*. New Jersey: Prentice Hall.

- Brinkerhoff, R.O. (2005). The Success Case Method: A Strategic Evaluation Approach To Increasing The Value and Effect Of Training. *Advances in Developing Human Resources*, 7 (1), 86-101.
- Cains, R.A. & Brown, C.R. 1996. Newly Qualified Teachers: A Comparative Analysis of The Perceptions Held by B.Ed. and PGCE-Trained Primary Teachers of Their Training Routes. *Educational Psychology* 16: 257-270.
- Eko Putro Widyoko. 2005. *Kompetensi mengajar guru IPS SMA Kabupaten Purworejo. Kajian profesionalisma guru*. Jakarta: Bumi Aksara
- Gist, M.E. & Mitchell, T.R. 1992. Self-Efficacy: A theoretical analysis of its determinants and malleability. *Academy of Management Review* 17(2): 183-211.
- Golstein, I.L. 1993. *Training in Organization: Needs Assessment, Development and Evaluation*. Third edition. Belmont, California: Brooks Publishing.
- Graham Gibbs & Martin Koffey. 2004. The Impact Of Training Of University Teachers On Their Teaching Skills, Their Approach To Teaching And The Approach To Learning Of Their Students. *The Institute for Learning and Teaching in Higher Education and SAGE Publications* (London, Thousand Oaks, CA and New Delhi) Vol 5(1):87–100. DOI:10.1177/1469787404040463
- Hassel, E. 2013. *Professional Development: Learning from the Best*. Oak Brook, IL: North Central Regional Educational Laboratory (NCREL).
- Ibrahim, A. 2004. Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dan Kaitannya Dengan Pembangunan Diri dan Peluang Pekerjaan. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan*. 8 – 9 September. Pahang, Malaysia: Universiti Malaysia Pahang.
- Jasmi, K. A., Talip, O. & Ilias, M. F. 2012. Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Berpusatkan Pelajar. *Seminar Antarabangsa Perguruan 96 dan Pendidikan Islam*. Johor, Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia.
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman, Ahmad Tajuddin Othman. 2009. Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(2): 3 – 14.
- Kretch et al. (1962), Allport (1954), Campbell (1950), Cardno (1955), Newcomb (1978) dalam Mar'at. 1981. *Sikap Manusia: Perubahan serta pengukurannya*. Jakarta: Ghalia Indonesia.
- M. Nur & Norasmah Othman. 2013. Motivasi kerja dan kompetensi profesionalisme guru sekolah menengah atas negeri. Dlm. Dalam buku “Himpunan penyelidikan pendidikan serantau” Zamri Mahamod, Mohd Izham Mohd Hamzah, Abdul Razaq Ahmad & Mahdum (2013). Penerbit: Fakulti Pendidikan UKM, Bangi 2013
- Marina Ibrahim Mukhtar dan Jamil Ahmad. 2013. Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Pelaksanaan Pentaksiran Kompetensi Persijilan Modular (PKPM). *Proceeding of the International Conference on Social Science Research (ICSSR2013)*. 4-5 June 2013, Penang, Malaysia. e-ISBN 978-967-11768-1-8.

- Martin, A., Linfoot, K. & Stephenson, J. 1999. How Teachers Respond to Concerns About Misbehaviour in Their Classroom. *Psychology in the Schools* 36: 347-358.
- Mulyasa, E. 2005. *Menjadi Guru Profesional: Mencipta Pembelajaran Kreatif dan Menyenangkan*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Norlander, K.A 2009. *My Life Story: School Of Education*. Conneticut: University Of Conneticut.
- Pati Anak Aleng. 2014. *Transformasi Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan*. Pts Sdn. Bhd.
- Robbins, S.P. 2000. *Organisational Behaviour: Concepts, Controversies, Application*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Soejipto & Raflis Kosasi, 2007. *Profesi Keguruan*. Jakarta : Pt Rineka Cipta.
- Sparks, D. 2012. *Designing Powerful Professional Development For Teachers and Principals*. Oxford, OH: National Staff Development Council.